

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**MENELUSURI KEPIMPINAN DAN KETOKOHAN SYEIKH
TAHIR JALALUDDIN SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN: SATU
ANALISIS****TRACING THE LEADERSHIP AND CHARACTER OF SYEIKH TAHIR
JALALUDDIN AS A LEADER: AN ANALYSIS**

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Kasoma Thia^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Irma Wani Othman⁴, Mohd Syafiq Zaini⁵, Sharifah Darmia Sharif Adam⁶

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² SMK Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: kasomathia1977@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msahaimi@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: asyafiqzaini120398@gmail.com

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: shdarmia@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Othman, I. W., Zaini, M. S., & Adam, S. D. S. (2023). Menelusuri Kepimpinan Dan Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin Sebagai Seorang Pemimpin: Satu Analisis. *International Journal of Law,*

Abstrak:

Keperibadian akhlak dan ketinggian ilmu merupakan indikator utama bagi seseorang pemimpin. Pemimpin yang tidak mempunyai sifat-sifat ini sudah pasti tidak dapat mentadbir sesebuah organisasi dengan baik dan cemerlang. Kekuatan dan kelemahan tampuk kepimpinan dalam sesebuah organisasi adalah terletak dibahu seorang pemimpin. Kepimpinan dan ketokohan seseorang pemimpin perlu dijadikan panduan kepada pendakwah masa kini bagi melestarikan kejayaan dakwah yang diseru. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat latar belakang Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai seorang ilmuwan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan ketokohnya sebagai pemimpin. Selain itu, kajian ini juga turut melihat bidang-bidang yang dikuasai oleh beliau serta karya-karya penulisan yang pernah beliau hasilkan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu dengan merujuk artikel-artikel ilmiah serta buku-buku yang pernah ditulis oleh para sarjana mengenai beliau. Hasil kajian ini mendapati Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang ilmuwan yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi

Government and Communication, 8
(32), 259-275.

DOI: 10.35631/IJLGC.832021.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



terutama dalam bidang agama, mempunyai keberanian dan ketabahan hati, bersikap tegas dan berterus terang, bersedia untuk ditegur dan disanggah oleh orang lain serta mempunyai pengaruh dari kalangan kawan-kawan dan anak-anak muridnya. Dengan memiliki sifat sedemikian rupa, sudah pasti beliau sangat sesuai untuk dijadikan contoh dan ikutan dalam landskap kepemimpinan dan ketokohnya. Oleh itu, para pemimpin kini perlu mempunyai sifat-sifat kepemimpinan yang mantap sebelum dilantik sebagai seorang pemimpin agar pelantikan mereka sebagai seorang pemimpin tidak akan dipertikaikan kelak.

Kata Kunci:

Kepimpinan, Ketokohan, Pemimpin, Syeikh Tahir Jalaluddin

Abstract:

The personality of morality and the height of knowledge are the main indicators for a leader. Leaders who do not have these qualities will certainly not be able to govern an organization well and excellently. The strengths and weaknesses of leadership in an organization lie on the shoulders of a leader. The leadership and integrity of a leader should be used as a guide to the present preacher to preserve the success of the dakwah. Hence, this study was conducted to look at the background of Syeikh Tahir Jalaluddin as a scholar with leadership qualities and character as a leader. In addition, the study also looked at the areas that he had mastered as well as the writing works, he had produced. This study uses the method of document analysis by referring to scientific articles as well as books written by scholars about him. The results of this study found that Syeikh Tahir Jalaluddin is a scholar who has a high level of knowledge especially in the field of religion, in the embrace of courage and perseverance, be assertive and straightforward, be ready to be reprimanded and dissuaded by others as well as the influence of his friends and students. By possessing such qualities, he is certainly a great fit to be a role model and follow in his leadership landscape and character. Therefore, leaders now need to have strong leadership qualities before being appointed as a leader so that their appointment as a leader will not be disputed.

Keywords:

Character, Leader, Leadership, Syeikh Tahir Jalaluddin

Pengenalan

Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang tokoh agama yang pernah muncul di alam Melayu suatu ketika dahulu dan beliau dianggap antara tokoh terkemuka dalam gerakan kebangkitan Islam di Tanah Melayu (Mustajab, 2003). Ketokohnya yang ulung dalam bidang agama itu tidak dapat dipisahkan daripada reformasi Islam. Maka disebabkan itu beliau juga dikenali sebagai tokoh reformis Islam di tanah Melayu. Dalam usahanya mengembangkan Islam, Syeikh Tahir Jalaluddin banyak membabitkan diri dalam institusi-institusi pengajian Islam. Antara institusi yang dijadikan sebagai pusat untuk mengembangkan ilmunya ialah Madrasah al-Haji Taib di Kampung Parit Jamil, Muar, Johor. Syeikh Tahir Jalaluddin juga banyak menghasilkan karya dalam bidang agama dan ilmu Falak. Dalam artikel ini penulis akan memberikan penekanan tentang sejarah hidup Syeikh Tahir Jalaluddin, kepemimpinan dan ketokohan beliau, sumbangan dan karya beliau serta kepemimpinan beliau sebagai seorang pemimpin yang disegani.

Kajian Literatur

Berdasarkan kepada sorotan literatur, terdapat para sarjana yang menjalankan kajian berkaitan dengan tokoh-tokoh terkemuka sama ada mereka yang terlibat dalam kepimpinan mahupun dalam ketokohan. Bagi tokoh tempatan misalnya, kajian yang dijalankan oleh Mohd Talib dan Mokhtar (2020) yang bertujuan untuk menganalisis sumbangan dan peranan Tun Sakaran Dandai dalam perkembangan dakwah Islam di daerah Semporna melalui beberapa medium iaitu Pertubuhan Islam Seluruh Sabah USIA dan Yayasan Sabdi (Sakaran bin Dandai). Dalam kajian tersebut, penulis mendapati penglibatan Tun Sakaran Dandai dalam karier politik merupakan pengaruh terbesar dalam penyebaran dakwah Islamiah di daerah Semporna, Sabah. Kewibawaan beliau sebagai salah seorang ahli politik yang menerapkan konsep dakwah dalam diri dan alam karier politiknya terutama di negeri Sabah terbukti dengan pengiktirafan sebagai Tokoh Maal Hijrah 2017 yang dapat dijadikan sebagai contoh pemimpin politik yang berjaya menyampaikan risalah dakwah dengan baik dan perlu dicontohi dan diteladani oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang ada pada masa kini. Kajian Mohd Talib dan rakan-rakan (2022) melihat bagaimana Tun Sakaran Dandai menerapkan nilai-nilai untuk membina jati diri muslim dalam kepimpinan yang disaluti dengan pendekatan syiar Islam di mana skop utama dalam penulisan tersebut adalah meninjau penjelasan tentang pendekatan dan kriteria-kriteria yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam membentuk jati diri muslim yang berjaya dalam kepimpinan.

Kajian yang menjurus terus kepada Syeikh Tahir Jalaluddin telah penulis soroti seperti kajian yang dijalankan oleh Nizam dan Osman (2022) bertujuan melihat tindak balas Syeikh Tahir Jalaluddin di dalam dakwah kepada penjajah didalam bidang pendidikan kerana beliau merupakan seorang ulama reformis dalam bidang pendidikan dan penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Hasil kajian tersebut mendapati beliau tidak menggerakkan usaha dakwah melalui kegiatan politik kerana sekitar 1900-1930-an belum lagi adanya gerakan politik kepartian di Tanah Melayu tetapi dengan mewujudkan satu pemikiran aliran yang baru iaitu kaum muda. Dalam kajian Abdul Hamid dan Abdul Malik (2017) pula bertujuan untuk mengenalpasti metode penulisan Syeikh Tahir dalam kitab *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' Al-Sunnah*, beliau dikatakan menulis dengan pendekatan yang bersesuaian mengikut konteks zamannya. Antara penemuannya ialah metode penulisan Syeikh Tahir Jalaluddin banyak terpengaruh dengan penulisan-penulisan klasik Arab terdahulu dan terdapat banyak pengaruh usul dan fiqh dalam kitab tersebut. Artikel ini mengulas tentang metode penulisan beliau, kandungan perbincangan yang terdapat di dalam kitab dan pengaruh penulisan. Manakala kajian Zakariya (2005) pula dijalankan bagi melihat pembaharuan Islam yang di bawa oleh Syeikh Tahir Jalaluddin di Tanah Melayu serta sumbanganya di Tanah Melayu. Kajian mendapati, Syeikh Tahir telah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dalam pelbagai disiplin ilmu sehingga buah fikirannya dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat setempat. Beliau juga seringkali dikaitkan dengan reformis Islam kerana sentiasa berkongsikan ilmu agama kepada masyarakat setempat.

Selain itu, penulis juga turut melihat kajian para sarjana berkaitan dengan kepimpinan sebagai indikator dalam artikel ini. Kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021a) pula bertujuan untuk melihat implementasi kepimpinan transformasi dalam kalangan pentadbir sekolah di daerah Sandakan dalam menentukan hala tuju sekolah selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian mendapati tahap implementasi kepemimpinan transformasi dalam kalangan pentadbir sekolah di daerah Sandakan adalah tinggi iaitu memperoleh nilai purata 4.16. Pentadbir sekolah di daerah Sandakan menerapkan elemen implementasi

kepimpinan transformasi dalam pentadbiran organisasi di sekolah dan ia dapat diterima baik oleh warga sekolah. Dalam satu lagi kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021b), melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang menjadi darah daging dalam landskap kehidupan mereka. Pengkaji juga turut melihat pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat sewaktu berlakunya sesuatu kematian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua kategori pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam adat dan ritual kematian di Sandakan iaitu adat semasa berlakunya kematian dan adat selepas kematian. Secara totalnya, kajian berkaitan dengan *Menelusuri Kepimpinan dan Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin Sebagai Seorang Pemimpin: Satu Analisis* belum pernah dijalankan dan ia sangat relevan untuk didedahkan kepada khalayak pembaca.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menelusuri kepimpinan dan ketokoh Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai seorang pemimpin yang disegani semasa hayat beliau untuk dijadikan contoh teladan kepada masyarakat masa kini. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan merujuk kepada kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana berkaitan dengan Syeikh Tahir Jalaluddin. Pengkaji juga turut merujuk buku-buku, kertas kerja, majalah dan sebagainya bagi menguatkan hujah berkaitan dengan Syeikh Tahir Jalaluddin. Dapatan dari hasil kajian tersebut akan diolah mengikut keutamaan objektif penulisan artikel ini. Hasil dapatan diketengahkan dalam kajian sebagai panduan dan rujukan kepada para pemimpin khususnya dalam landskap kepimpinan.

Latar Belakang Syeikh Tahir Jalaludin

Nama penuhnya ialah Syeikh Muhammad Tahir bin Muhammad bin Jalaluddin Ahmad bin Abdullah al-Minangkabawi al-Azhari al-Falaki. Syeikh Tahir dilahirkan di Cangking, Minangkabau pada hari Selasa, 4 Ramadan 1286 Hijrah bersamaan 8 Disember 1869 Masihi (Abdullah, 2004). Bapa beliau adalah dari keturunan Melayu Minangkabau, disebabkan itulah dalam kalangan masyarakat Minangkabau beliau lebih terkenal dengan nama Tuanku Muhammad atau Tuanku Changking iaitu anak kepada Tuanku Ahmad Jalaluddin (Mat, 1992:20). Bapanya meninggal dunia di Cangking, Minangkabau pada hari Ahad 27 Jamadilawal 1288 Hijrah bersamaan 14 Ogos 1871 Masihi. Ibunya pula meninggal dunia di Cangking pada 1295 Hijrah bersamaan 1878 Masihi. Ini menunjukkan pada umur 9 tahun, Syeikh Tahir Jalaluddin telah menjadi anak yatim piatu. Kemudian beliau telah dipelihara oleh keluarga sebelah ibunya sehingga umurnya meningkat 12 tahun (Che Daud, 2012).

Menurut Djamily (1994), Syeikh Tahir mempunyai lima orang adik beradik dan beliau merupakan anak sulung kepada Aisyah, Maryam, Muhammad Amin dan Halimah yang masing-masing tinggal bersama ibu saudaranya setelah kematian ibu bapanya. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022a), seorang pendakwah yang baik budi pekerti pada masa mudanya, maka sudah tentu dia akan selalu terhormat dan dihormati, tidak terdedah kepada celaan dan kritikan musuh tentang masa silamnya, dan inilah yang telah dipraktikkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin. Syeikh Tahir Jalaluddin meninggal dunia di Kuala Kangsar, Perak. Selepas sembahyang Subuh pada hari Jumaat, 22 Rabiulawal 1376 Hijrah bersamaan 26 Oktober 1956 Masihi iaitu dalam usianya 87 tahun (Saman & Ahmad, 2005).

Pendidikan

Syeikh Tahir Jalaluddin tidak mendapat pendidikan di Minangkabau ataupun di Tanah Melayu, sebaliknya beliau telah belayar ke Mekah untuk mendalami ilmu-ilmu Islam ketika usianya 12

tahun. Di sana beliau tinggal bersama sepupunya Syeikh Ahmad Khatib iaitu seorang pemimpin mazhab Imam Syafie di Masjid al-Haram. Semasa di Mekah, beliau tidak melepaskan peluang untuk mendalami pelbagai bidang ilmu terutama dalam bidang agama (Djamily, 1994). Sepupu beliau iaitu Syeikh Ahmad Khatib turut terlibat dalam mencurahkan ilmu kepadanya dan sedikit sebanyak ajaran Syeikh Ahmad Khatib telah mempengaruhi jiwa beliau terutama sekali berhubung dengan masalah amalan Islam dalam masyarakat Melayu di Indonesia dan Tanah Melayu yang bercampur aduk dengan adat resam Melayu asli. Beliau menetap di Mekah selama 12 tahun. Kemudian pada tahun 1893, beliau menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir dalam bidang ilmu Falak. Gelaran al-Falaki pada hujung nama telah beliau perolehi apabila muncul sebagai seorang ahli Falak yang mahir. Ketika di Mesir juga, beliau tertarik dengan gerakan reformasi Islam Mesir yang dipimpin oleh Syeikh Mohammad Abduh (1849-1905) yang dengan tegas sekali menyeru umat Islam kembali kepada ajaran-ajaran Islam yang tulen dan berpandukan kepada al-Qur'an Sunnah tanpa terikat dengan pelbagai tradisi dan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam (Mat, 1992:27).

Setelah tamat pengajiannya di Mesir, beliau kembali ke Mekah untuk mengajar ilmu agama selama dua tahun. Sebelum sampai ke Tanah Melayu, beliau banyak membuat pengembaraan antaranya ke Riau, Pulau Penyengat dan Singapura pada tahun 1888. Pada tahun 1899 beliau telah pergi ke Tanah Melayu. Beliau telah ditawarkan untuk mengajar di Madrasah Haji Taib di Muar, Johor. Syeikh Tahir sempat melawat Alor Gajah, Melaka dua kali di antara 1926-1927. Lawatan beliau telah memberi kesan kepada beberapa orang anggota masyarakat di situ. Di Kampung Baharu, Alor Gajah, di mana Syeikh Tahir mempunyai hubungan persaudaraan, idea reformasi Kaum Muda telah beliau disebarkan, mula-mulanya melalui syarahan-syarahan dan kemudian majlis ramah-tamah. Bertitik tolak dari sinilah bermulanya tugas beliau dalam menyebarkan idea tentang reformasi Islam sebagaimana yang telah beliau pelajari di Mesir (Saman, 2005:124).

Keperibadian dan Perwatakan Syeikh Tahir Jalaluddin

Syeikh Tahir Jalaluddin dikatakan seorang yang berpendirian tegas terutama dalam perkara yang berkaitan dengan agama. Perkara ini diakui sendiri oleh seorang anak muridnya yang berasal dari Muar, dia menyatakan bahawa Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang guru agama yang tegas. Beliau sangat serius apabila mengajar. Namun bagi Syeikh Tahir Jalaluddin, ketegasan ini amat wajar kerana itulah mengikut pendapatnya reformasi yang telah dianjurkan bukan bertujuan untuk mengubah agama kepada sesuatu yang baru, tetapi memperbetulkan ajaran Islam yang telah banyak disalahfahamkan supaya para penganutnya kembali semula kepada ajaran sebenar seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Ketika mengajar, beliau sering memakai jubah hitam dan tarbus. Beliau juga menyediakan rotan sebelum memulakan sesi mengajar. Beliau juga bukan seorang yang pendendam. Ini dapat dilihat apabila beliau memarahi anak muridnya, pernah beliau merotan anak muridnya dengan tujuan untuk mengajar mereka. Kemudian pada keesokan harinya beliau kelihatan tenang seolah-olah tidak berlaku perkara tersebut. Bagi beliau adalah lebih baik jika perkara tersebut akan selesai pada masa itu dan tidak dipanjang-panjangkan.

Di samping itu beliau merupakan seorang yang menepati janji sama ada dari segi masa, tempat atau sebagainya. Sesungguhnya Allah SWT amat suka kepada orang-orang beriman yang mengotakan setiap kata-kata atau janji yang lahir dari mulut mereka, kerana Allah tidak suka kepada mereka yang hanya pandai berkata-kata sedangkan tidak melaksanakannya (Mokhtar

& rakan-rakan, 2021d). Perhubungannya dengan masyarakat tempatan amat baik. Hal ini menyebabkan beliau sangat dihormati di Muar. Kadang kala sesetengah ulama akan menghadkan perhubungannya dengan masyarakat disebabkan faktor-faktor tertentu. Tetapi tidak bagi Syeikh Tahir Jalaluddin, pengetahuannya yang mendalam dalam bidang agama tidak menghalang beliau mengadakan hubungan baik dengan masyarakat (Mat, 1992:23). Syeikh Tahir semestinya seorang yang mencintai ilmu pengetahuan dan suka mengkaji buku-buku. Beliau tidak pernah merasa jemu dan bosan dalam menuntut ilmu. Malah di rumahnya terdapat sebuah bilik khas untuk digunakan sebagai bilik bacaan beliau. Beliau juga amat mengambil berat tentang pendidikan anak-anaknya sehingga ada satu ketika beliau sanggup menunggu anaknya membaca dan mengulangkaji pelajaran dengan hanya diterangi dengan lampu minyak tanah. Harapan beliau agar anak-anaknya akan menjadi ulama yang ulung (Mat, 1992:24).

Kepimpinan Syeikh Tahir Jalaluddin

Tidak banyak yang diperkatakan berkenaan kepimpinan Syeikh Tahir Jalaluddin sepanjang karier beliau sebagai seorang ulama tersohor. Dalam bidang politik juga, beliau tidak banyak melibatkan diri secara langsung. Peranan beliau dalam bidang politik tidak begitu jelas. Hanya yang diketahui adalah semasa hayatnya beliau pernah mempunyai hubungan rapat dengan beberapa orang pengasas *Hizbu al-Muslimin* dari Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) seperti Haji Abu Bakar Bakir dan Dr. Burhanuddin. Namun kita mungkin dapat lihat secara tidak langsung kepimpinan yang beliau tonjolkan dari dalam dirinya. Dari sudut keperibadian dan perwatakan beliau maka jelas dilihat bagaimana bakat kepimpinan yang beliau miliki dan bentuk kepimpinan yang beliau laksanakan.

Melihat dari sudut keperibadian, syeikh Tahir Jalaludin mempunyai tahap keilmuan yang tinggi, terutama dalam bidang agama. Di samping itu, beliau merupakan seorang yang tegas dalam menyatakan yang hak dan inilah yang dikatakan salah satu ciri atau bakat yang perlu ada pada seorang pemimpin. Selain tegas dalam mendidik, beliau juga tegas dengan pendirian yang telah beliau tetapkan. Ini dapat dilihat apabila beliau memasukkan mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Haji Taib sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari dan dapat mematahkan tentangan ulama yang mendakwa bahawa belajar Bahasa Inggeris itu kufur. Dalam hal ini ternyata walaupun ketegasan Syeikh Tahir telah mendapat tentangan daripada ulama tradisional. Namun beliau tidak berganjak dari pendiriannya dan mata pelajaran tersebut akhirnya diajar di sekolah tersebut (Ibrahim & Abd. Rahman, 1992 : 24).

Selain itu, Syeikh Tahir Jalaluddin juga merupakan seorang yang berani dan tabah hati. Semasa membawa pembaharuan (reformasi) terhadap ajaran agama Islam di negara ini, beliau telah ditentang hebat oleh ulama golongan tua. Malah beliau dikatakan amat berani mempertaruhkan jawatan yang dipegangnya semasa di jabatan kerajaan untuk menyebarkan idea reformasi tersebut. Namun beliau tetap meneruskan usahanya sehinggalah beliau tidak lagi diberi jawatan dalam kerajaan. Jelas di sini, beliau bukan sahaja tidak berputus asa dalam usahanya, malah beliau mampu menerima segala teguran dan sanggahan dari pelbagai pihak. Beliau mempunyai pengaruh yang kuat dari kalangan kawan-kawannya yang juga merupakan ulama tersohor pada waktu itu. Pengaruh beliau juga sangat kuat dikalangan anak-anak muridnya. Dengan itu beliau mampu bekerja dengan kekuatan yang beliau ada (pengaruh yang kuat). Dalam hal ini beliau boleh meraih sokongan dari apa yang ada disekelilingnya sama ada dalam bentuk peralatan atau prasarana-prasarana bagi menyempurnakan usaha beliau.

Dalam pada itu, Syeikh Tahir Jalaluddin adalah seorang yang mempunyai objektif yang jelas dalam perjuangannya. Melalui gerakan reformasi yang beliau lakukan, ia akhirnya telah mencetuskan revolusi pemikiran dan pandangan hidup masyarakat di Nusantara umumnya dan di Tanah Melayu khususnya kepada tuntutan Islam, agar Islam itu dijiwai pemikiran, tujuan, matlamat hidup, akhlak dan peradaban masyarakat. Mengatur urusan dunia atas dasar Islam, memperluaskan pengaruh Islam di Nusantara serta menyediakan pendidikan moral dan intelek melalui contoh dan tauladan kepada masyarakat. Keperibadian Syeikh Tahir Jalaluddin yang disebutkan mengandungi ciri-ciri utama yang memenuhi kriteria sebagai seorang pemimpin. Ciri-ciri tersebut adalah seperti memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi terutama dalam bidang agama, mempunyai keberanian dan ketabahan hati, bersikap tegas dan berterus terang, bersedia untuk ditegur dan disanggah oleh orang lain, mempunyai pengaruh dari kalangan kawan-kawan dan anak-anak murid dan lain-lain dan fokus kepada keputusan dan matlamat yang jelas.

Dari aspek kepimpinan pula, Syeikh Tahir Jalaluddin itu menunjukkan kepimpinan beliau adalah lebih kepada bentuk demokratik. Walaupun tidak secara rasmi, tetapi secara tidak langsung ia dapat dilihat ketika mana beliau memimpin anak-anak muridnya sewaktu mengajar ilmu agama dan memimpin masyarakat sewaktu menyebarkan idea reformasinya iaitu kaum muda. Sewaktu mengajar, beliau lebih suka mengambil sikap neutral. Tidak terlalu lembut dan tidak terlalu kasar. Hanya apabila mereka melakukan perkara yang menyalahi peraturan atau apa sahaja yang boleh merencatkan aktiviti pembelajaran, maka beliau akan mengambil tindakan yang sepatutnya. Sewaktu membuat keputusan untuk mewajibkan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran, tentangan yang diberikan amat kuat. Beliau sebenarnya tidak memutuskan perkara tersebut secara membuta tuli, tetapi beliau telah memandang kepada kesan jangka panjang dan manfaat yang akan diperolehi oleh murid-murid.

Kemajuan yang dicapai di Barat telah membakar semangat beliau untuk membawa masyarakat di Islam di Tanah Melayu setara dengan mereka. Begitu juga halnya dengan reformasi Kaum Muda yang dilakukan oleh beliau. Tujuannya reformasi tersebut adalah membawa masyarakat kepada ajaran Islam yang tulen serta berusaha untuk memajukan dan membebaskan masyarakat Melayu dari belenggu kekolotan. Beliau sentiasa membuat keputusan berdasarkan persetujuan bersama oleh orang-orang yang terlibat dalam usaha yang beliau jalankan. Tetapi sekali sekala beliau akan menerangkan sebab-sebab kepada mereka yang terlibat dalam usahanya jika terdapat sesuatu keputusan itu dibuat sendiri. Penyampaian dan penerimaan kritikan atau pujian adalah secara positif dan objektif. Kepimpinan beliau yang berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah ini adalah selari dengan kehendak dan ciri-ciri kepimpinan Islam. Hasilnya, ia dapat mencetuskan pemikiran baru dan membawa perubahan yang positif serta sifat tanggungjawab secara kolektif.

Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021g) pelaksanaan dakwah masa kini perlu melalui transformasi dari sudut metode, mesej dan manhajnya mengikut tuntutan perkembangan teknologi maklumat. Kegiatan dakwah bukan lagi terhad dilakukan menerusi medium masjid seperti khutbah, ceramah dan tazkirah di televisyen dan radio atau melalui dakwah berbentuk tulisan seperti buku-buku agama dan majalah, malahan ia kini dilakukan dalam skop yang lebih peribadi tetapi meluas iaitu menerusi internet dan aplikasi-aplikasi dalam media sosial. Selain itu, proses menyampaikan dakwah Islam ini perlu mempunyai ilmu yang dalam tentang Islam sebelum menyampaikan kepada pihak lain (Mokhtar & rakan-rakan, 2021f). Penerapan unsur-unsur ilmu atau rekayasa dakwah perlu dimiliki oleh setiap pendakwah sebelum mereka turun ke kancah realiti kehidupan dakwah. Ia bertujuan supaya agenda dan matlamat dakwah yang

dibawa tersebut dapat diterima dan terkesan ke lubuk sanubari golongan sasaran dakwahnya. Tanpa penguasaan rekayasa dakwah terlebih dahulu, kemungkinan besar seseorang pendakwah itu tidak akan memperoleh kejayaan dan cita-cita yang diigaukan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c)

Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin

Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin dapat dibincangkan dalam beberapa aspek yang telah berjaya penulis garapkan dalam kajian ini. Antaranya ialah ketokohan beliau sebagai seorang ulama, sebagai seorang ahli dalam ilmu Falak dan sebagai seorang reformis. Ketokohan dalam bidang pendidikan, ekonomi, pembangunan masyarakat tidak dapat dinafikan lagi. Kesemua aspek tersebut merupakan tunjang utama Syeikh Tahir Jalaluddin dan juga merupakan persediaan beliau untuk membawa pembaharuan dan perubahan kepada masyarakat Islam di Tanah Melayu. Perbincangan selanjutnya adalah seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1: Hasil Karya Syeikh Tahir Jalaluddin

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Ketokohan Dalam Bidang Agama

Ketinggian ilmu pengetahuannya dalam bidang agama meletakkan beliau sebagai ulama yang menjadi tumpuan masyarakat. Beliau sering diujani dengan persoalan-persoalan yang memerlukan fatwa-fatwa. Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kemusykilan tentang agama bukan sahaja datang dari golongan awam, tetapi juga dari para mufti, qadhi, dan alim ulama lain. Segala persoalan dan masalah yang dikemukakan kepadanya dijawab pada masa itu juga. Inilah salah satu faktor yang menyebabkan beliau amat dihormati oleh masyarakat tidak kira sama ada dari kalangan orang awam ataupun ulama. Syeikh Tahir mempunyai kebolehan yang tinggi sebagai seorang pendidik, malah beliau mampu mengajar dalam Bahasa Arab. Di samping itu juga, beliau tidak mengenyepikan bahasa lain untuk dimasukkan dalam sesi pembelajaran seperti Bahasa Inggeris. Walaupun pendekatan beliau ditentang oleh golongan ulama tradisional, beliau tetap dengan pendiriannya dan berpendapat bahawa Bahasa Inggeris adalah satu keperluan mengikut peredaran zaman. Selagi mana ia tidak bertentangan dengan luns-luns Islam, ia mesti dipelajari untuk menjadikan generasi akan datang tidak

ketinggalan dan menginginkan mereka mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai di negara-negara Barat. Begitulah ketokohan Syeikh Tahir dalam bidang agama. Ketinggiannya dalam ilmu agama tidak membataskan beliau untuk membawa kemajuan kepada masyarakat asalkan ia berlandaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pembaharuan Pemikiran (Sudut Keagamaan)

Golongan *al-Imam* cuba membawa perubahan terhadap kehidupan manusia dengan mengambil aspek keagamaan sebagai teras perjuangan islahnya ini adalah kerana Islam sebagai keseluruhan yang sehati dalam cara hidup orang-orang Melayu itu, tidak dapat dipisahkan kepada bahagian dan lapangan tertentu. Oleh itu golongan *al-Imam* merasakan kelemahan dalam aspek keagamaan itu merupakan penyakit menyebabkan terbantutnya perkembangan kemajuan pendidikan, ekonomi, sosial dan politik orang Melayu. Syeikh Mohd Salim al-Kalali dalam rencana pertamanya menegaskan bahawa, tugas pemimpin-pemimpin rakyat ialah menentukan penyakit itu dan menentukan pula ubat baginya. Mereka cuba membawa pembaharuan dengan memberikan tafsiran tentang keagamaan termasuklah berkaitan dengan ibadah;

"Pengertian ibadah begitu sempit bagi mereka, hanya berkisar disekitar ibadah sembahyang, puasa, zikir, nikah kahwin. Dan yang seumpamanya sedangkan pengajaran dan pengertian ibadah serta ruang lingkupnya dalam yang merangkumi segenap aspek dan ciri kehidupan ukhrawi dan duniawi".

Syeikh Mohd. Salim pula menyatakan,

"....pintu yang mengukuhkan dan menyangguhkan segala hajat itu ialah mengetahui akan hakikat agama kita kerana ialah ubat yang sangat mujarab bagi segala penyakit umat kita ini".

Ini bererti untuk memperolehi kemajuan dari semua bidang tersebut, perlu mengukuhkan keutuhan dalam hal-hal keagamaan dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Bukan sahaja tentang pengukuhan agama yang mereka sentuh tetapi juga tentang peranan golongan ulama lain yang masih terikat dengan tradisional atas kesedaran orang-orang Melayu tidak mematuhi ajaran Islam sebenarnya. Sebilangan besar mengamalkan perkara yang terang-terang ditegah oleh Islam disamping memperkecilkan perkara yang disuruh oleh agama. Oleh itu, mereka (golongan *al-Imam*) memahami ajaran Islam dengan cara yang sebenar-sebenarnya serta teliti. Islam haruslah dipandang dan ditilik dengan kaca mata yang lebih luas sebab pemikiran dan pandangan yang cetek dan sempit akan menjadikan sesuatu umat itu sesat ini adalah kerana pada pendapat mereka pembaharuan dalam Islam adalah bersesuaian dengan peredaran zaman. Tuhan telah memberikan akal kepada manusia untuk digunakan sebaik mungkin dan dimajukan dan bukan hanya mempersoalkan tentang sesuatu perkara tanpa sebab.

Disebabkan oleh kesedaran akan terkebelakangnya umat dan dihipit oleh halangan sistem kemutlakan tradisional yang bercorak tradisional dalam politik konservatif dan taqlid dalam kehidupan keagamaan, maka para "pembaharuan" yang terlibat dalam proses kebangkitan ini menekankan peranan akal dalam kehidupan keagamaan dan aktivisme dalam kehidupan sosial. Kesan daripada ini maka golongan *al-Imam* berpendapat bahawa orang Melayu telah menganuti kepercayaan yang salah dan mereka itu sebagai pak turut saja tanpa mempunyai pandangan dan fikiran yang kritis. Sehingga mereka menjauhkan diri dari melakukan hal-hal tersebut sedangkan ia tidak menjadi larangan dalam Islam. Ini bermakna mereka telah menolak kunci untuk menuju ke arah kemajuan bukan saja pada dirinya bahkan masyarakat

Melayu ketika itu. Atas penolakan golongan tradisi terhadap kemajuan ini menyebabkan golongan *al-Imam* hendak menyedarkan mereka dari kesalahan-kesalahan mereka itu dan mengetahui tanggungjawab masing-masing kerana pada mereka Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup dan perkembangan sejarah budaya Islam itu sendiri.

Manakala menerusi budaya Islam ini identiti dan sejarah budaya sendiri itu tetap menjadi asas kepada pertumbuhan budaya seterusnya dan semua ini membawa kepada kemajuan manusia dan umat Islam keseluruhannya. Golongan *al-Imam* percaya bahawa golongan terdidik yang baru muncul itu, akan dapat menjalankan usaha untuk mengikis pendapat kolot daripada pegangan orang Melayu tradisi dan sekiranya berjaya maka pastilah umat Islam kembali kepada kemegahan yang asal dan kemuliaan yang lalu. Kerana Islam itu sendiri telah merangkumi semua aspek kehidupan orang-orang Melayu. Al-Imam juga menyeru orang Melayu menoleh ke negara Jepun. Walaupun mereka menerima segala perubahan dalam bidang ekonomi, politik dan pertahanan tetapi masih tetap dengan agama mereka dan tidak was-was mengambil perubahan barat khususnya pendidikan sebagai alat untuk memajukan bangsa dan negaranya. Manakala orang Melayu enggan bertembung dengan tamadun Barat dan menganggap mereka sebagai musuh Islam.

Pembangunan Masyarakat (Hak Wanita)

Golongan *al-Imam* juga mengambil berat kedudukan wanita dalam masyarakat. Mereka menganjurkan kebebasan yang lebih luas bagi kaum wanita mendapatkan pelajaran dan mengambil bahagian dalam urusan-urusan masyarakat. Oleh kerana golongan ini memainkan peranan penting dalam kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan kaum lelaki, seharusnya beberapa perubahan perlu dilakukan diantaranya ialah mengadakan kelas perempuan sehingga darjah tiga dengan tujuan memberi pelajaran membaca Qur'an dan pelajaran agama supaya dapat melahirkan ibu-ibu yang berpelajaran. Untuk menyedarkan kaum wanita ini, golongan *al-Imam* telah membuat perbandingan mengenai keadaan dan fungsi wanita Amerika dengan wanita Islam. Mereka menyatakan "*wanita Amerika berusaha sendiri mencari jalan hal kehidupan mereka, sehinggakan melakukan kerja-kerja yang berat seperti bekerja dalam syarikat, membina bangunan-bangunan dan gedung yang besar, sama-sama memikul batu-bata, kayu-kayu dan alat perkakas binaan yang sebelumnya adalah pekerjaan yang tidak pernah dilakukan oleh kaum wanita di Tanah Melayu.*"

Walaupun golongan *al-Imam* membandingkan tentang orang Amerika dan orang Islam tetapi apa yang dimaksudkan ialah bukan mengambil sepenuhnya apa yang ada di Amerika tetapi yang cuba diterangkan ialah bahawa wanita juga mempunyai peranan dalam memajukan negara dan membebaskan negara dari cengkaman penjajah. Golongan *al-Imam* juga cuba menunjukkan wanita sebenarnya boleh berdikari dan tidak lagi duduk di ceruk dapur tetapi untuk mencapai kesempurnaan kecemerlangan hidup pendidikan adalah penting. Oleh kerana itu, penekanan terhadap pendidikan telah ditanamkan kepada kaum wanita. Walaupun pandangan golongan ini mendapat kecaman khususnya dari Kaum Tua. Mereka masih terus memberi galakan supaya mereka meneruskan perubahan tersebut dan mengerjakan pekerjaan yang munasabah dengan hal mereka itu. Keberanian mereka ini sedikit sebanyak telah dapat menggalakkan keinginan kaum wanita untuk mendapatkan pendidikan.

Bidang Pendidikan

Menurut Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki, satu cara untuk mengatasi kelemahan orang Melayu ialah dengan cara meninggikan lagi ilmu pengetahuan mereka. Oleh itu

pendidikan ini mempunyai hubungan rapat dalam perubahan dari aspek keagamaan, sosial, politik dan ekonomi orang Melayu. Atas kesedaran pentingnya ilmu itu dijaga dan Islam itu memainkan peranan yang lebih luas telah disadari lebih awal lagi. Golongan *al-Imam* menekan keutamaan ilmu sejarah yang menurutnya merupakan kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa. Sejarah telah menunjukkan bahawa pelajaran adalah satu-satunya alat yang mustahak bagi bangsa tujuan pembangunan dan mencapai kejayaan. Pembaharuan dan pembangunan yang disediakan oleh British belum mencukupi untuk orang Melayu khususnya dalam pendidikan bahkan dapat dilihat di Pulau Pinang, Singapura dan Sumatera tidak ada anak Melayu yang benar-benar pandai dalam pelajaran. Sekiranya mampu bekerja dengan kerajaan, dari segi pendapatan pula, "tiada yang boleh menyampaikan sekurang-kurangnya pendapatan anak-anak bangsa Eropah".

Golongan *al-Imam* menyatakan keadaan ini timbul adalah disebabkan kelalaian raja-raja dan orang-orang besar Melayu sengaja tidak mengambil berat, "tidak mahu memikirkan dan menilik dan menyediakan bagi masa yang akan datang dan mengadakan pelajaran bagi anak-anak watan mereka itu". Padahal kebanyakan rakyat berkemampuan menyediakan wang untuk memberikan pelajaran untuk anak mereka. Golongan *al-Imam* melihat keadaan ini disebabkan orang kaya dan bangsawan cetek pengetahuan dan pelajaran kerana mereka lalai dalam kehidupan yang diselubungi kesenangan dan kemewahan. Sedangkan menurut *al-Imam*; "...yang boleh memaksa mereka itu tiada lain melainkan raja atau kerajaan atau ketuanya yang ditakutkannya". Rentetan itu golongan *al-Imam* merasakan rakyat biasa perlu membuat perubahan. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan sikap daripada tidak mementingkan ilmu pengetahuan kepada mementingkannya.

Oleh kerana itu seorang guru telah memberikan cadangan tentang peringkat persekolahan dan pelajaran bagi anak-anak Melayu dan guru tersebut ialah Haji Mohd. Tahir. menurut Haji Mohd Tahir sepatutnya terdapat telah empat peringkat persekolahan atau pelajaran yang wajar diberikan kepada orang Melayu. Pendidikan yang dimaksudkan bukan ahaja tertumpu pada hal-hal agama tetapi juga pendidikan yang diberikan oleh orang-orang Barat. Ini untuk menutup pandangan golongan tradisional bahawa selama ini Islam yang dibawa oleh golongan *al-Imam* itu dianggap oleh sistem pendidikan tradisional dengan hal-hal sekular seperti pendidikan moden yang dibawa dari Barat itu. Namun Golongan *al-Imam* terus menggesa orang Melayu menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Haji Mohd. Tahir dan menyeru mereka menyuarakannya kepada pihak Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi British agar mengadakan wang peruntukan khas untuk sekolah-sekolah tersebut.

Bidang Ekonomi

Apabila penjajah mencerooboh negara tercinta ini dan melaksanakan dasar perluasan pengaruh dan wilayah secara "pecah dan perintah". Ini secara tidak langsung mewujudkan sistem ekonomi kapitalis yang amat jauh berbeza daripada amalan sistem ekonomi tradisi. Dasar "pecah dan perintah" serta sistem ekonomi kapitalis ini sekaligus bertanggungjawab meningkatkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar. Masalah kemiskinan dapat dikatakan amat ketara dikalangan orang-orang Melayu dan kesedaran tentang ini memang telah dirasai oleh golongan elit Melayu pada zaman kolonial itu. Atas kesedaran bahawa rakyat peribumi seperti tertindas di bumi sendiri, maka golongan *al-Imam* menekankan bahawa rakyat tempatan perlu bersaing hebat dengan etnik lain sekiranya mereka mahu terus hidup di bumi ini dan bukannya pendatang. Ini dinyatakan dalam petikan: "*Walaupun sering dikatakan orang Melayu penduduk peribumi negara ini disebut 'bumiputera' serta menguasai sistem politik dan*

pemerintahan negara ini, tetapi dalam bidang ekonomi atau perjuangan merebut nilai kebendaan, mereka tewas kepada golongan imigran ."

Kesan persaingan orang Melayu dengan berbagai-bagai kumpulan etnik yang datang ke negara ini telah memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu tentang kedudukan diri mereka dalam berbagai-bagai lapangan. Golongan *al-Imam* cuba menerangkan tentang kelemahan dan keterbelakangan orang Melayu dalam serba lapangan apabila bersaing dengan berbagai-bagai etnik lain atau dikatakan etnik yang mendatang yang didapati lebih maju dan lebih berjaya dalam berbagai-bagai lapangan. Golongan *al-Imam* juga menerangkan bahawa penjajah akan terus membiarkan orang Melayu terus dalam sektor pertanian yang tidak mempunyai daya pengeluaran dan pulangan yang tidak stabil .oleh kerana itulah;"*Kehidupan orang Melayu sudah tentu seperti telur diujung tanduk, melukut di tepi gantang atau seperti hidup di dalam "Neraka Dunia"* Malahan dalam keadaan tertentu kekuatan kesedaran semangat kebangsaan Melayu itu sendiri dengan jelas sebagaimana telah diterangkan bukan sahaja menentang kolonial, tetapi juga bersaing dengan etnik-etnik yang datang.

Kedudukan itu bertambah rumit apabila etnik yang datang itu didapati mempunyai kedudukan dan peluang ekonomi yang lebih baik. Gelaran golongan *al-Imam* terhadap Kaum Tua ini menyebabkan sedikit sebanyak telah menyedarkan rakyat tempatan tentang suasana atau keadaan yang menimpa mereka akibat kelalaian mereka dan kealpaan Kaum Tua yang tidak mahu merubah sendiri rakyat tempatan dan ini seterusnya telah menimbulkan suasana tegang antara etnik dan persaingan selepas itu amat tinggi walaupun rakyat tempatan masih lagi mengamalkan sistem pertanian dan sistem penangkapan ikan tetapi dengan penulisan akhbar *al-Imam* sedikit sebanyak telah memberi pengetahuan kepada mereka. Perlu juga diingat bahawa rakyat pada masa itu boleh membaca akhbar *al-Imam* kerana *al-Imam* ditulis dengan tulisan jawi yang menjadi asas penulisan dan bacaan pada masa itu sama ada orang tua mahupun orang muda. Keluaran akhbar *al-Imam* telah menanamkan bibit nasionalisme dalam diri mereka dan menunggu untuk meletus sahaja.

Bidang Penulisan

Bidang penulisan di Tanah Melayu berkembang selari dengan desakan dari golongan tertentu bagi memperbaiki dan menjaga kedudukan nasional selalu disuarakan, terutama melalui penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Jelasnya semangat kebangsaan ini telah tersebar dalam penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Ini menunjukkan Akhbar-akhbar tempatan menjadi lidah rasmi dalam menyebarkan pergerakan itu. Pada umumnya peranan "kebudayaan cetak" ialah sebagai penyalur pemikiran dan cita-cita kepada masyarakat luas. Singapura adalah tapak permulaan penulisan golongan *al-Imam*. Suratkhbar di Singapura pada dua puluh tahun pertama terbahagi kepada kumpulan-kumpulan yang berlainan. Penerbitan golongan pembaharuan telah didahulukan oleh majalah *al-Imam* (1906-1915) dan *Neracha* (1911-1915). *Neracha* diterbitkan pada tiap-tiap minggu dan bukan sebulan sekali dan mengandungi banyak berita-berita biasa tetapi dasarnya adalah sama dengan *al-Imam* kerana pengarangnya adalah Haji Abbas Mohd.Taha yang sebelumnya pernah menjadi pengarang terakhir *al-Imam*.

Kemudiannya pada 1913, *Neracha* menerbitkan pula sebuah majalah bulanan bergambar yang bersifat sederhana kritiknya. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan kedua-duanya (*al-Imam* dan *Neracha*) diberhentikan penerbitannya dalam pertengahan tahun 1915 . Namun begitu idea golongan *al-Imam* ini diteruskan oleh majalah lain yang terbit kemudiannya di Tanah Melayu diantaranya; "*The year 1917 saw the appearance of a new publication,*

emanating from the Majlis Ugama Islam in Kelantan". Manakala pada 1926 wujud pula majalah *Al-Ikhwan* yang diterbitkan oleh Sayid Sheikh al-Hadi di Pulau Pinang. Selain itu muncul juga novel dan cerpen yang mempersoalkan perkara yang lazim ketika itu. Diantaranya ialah novel saduran terkenal oleh Syed Syeikh al-Hadi iaitu *Hikayat Faridah Hanum*. Perkembangan bidang ini membolehkan idea-idea pembaharuan golongan *al-Imam* tersebar luas di Tanah Melayu dan keberkesannya tidak dapat di nafikan hingga kini.

Bidang Ilmu Falak

Semasa belajar di Universiti al-Azhar, Mesir, beliau mengambil kesempatan sepenuhnya untuk mempelajari dan menguasai ilmu Falak. Keadaan ini telah menempatkan beliau salah seorang diantara pakar ilmu Falak Islam di Tanah Melayu. Pengusaannya yang luar biasa dalam ilmu Falak menyebabkan beliau dikenali dengan nama al-Falaki pada hujung namanya. Antara kemahiran beliau dalam ilmu Falak ialah :-

- i. Membuat perkiraan/perhitungan pada takwim tarikh hijri dan miladi; arah kiblat dan waktu sembahyang yang boleh digunakan sepanjang hidup.
- ii. Membuat perhitungan Falakiyah. Khusus dalam kiraan untuk menentukan waktu solat lima waktu dan hala qiblat dengan logharitma. Ia melalui kaedah ilmu Hisab (matematik logharitma) dan ilmu Falak.
- iii. Pengkajian terhadap fenomena gerhana berpasangan iaitu gerhana matahari dan bulan yang berlaku pada satu bulan.

Syeikh Tahir Jalaluddin amat mementingkan pemahaman masyarakat terhadap ilmu Falak. Mereka yang tidak mendalami ilmu Falak Syar'ie mudah salah faham dan terpedaya. Ilmu Falak Syar'ie penting kepada umat Islam kerana ia menerangkan mengenai hakikat alam dan kaitannya dengan perlakuan ibadat. Mendalaminya boleh dianggap satu ibadat kerana ia dapat menimbulkan rasa keinsafan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Ketokohan Sebagai Seorang Reformis

Menurut Abd. Hamid & Abd Malik (2017), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin seorang tokoh ulama yang berwibawa dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Beliau juga seorang tokoh reformis Islam dunia Melayu yang dihormati dalam kalangan ulama serta masyarakat setempat di alam Melayu. Beliau dilihat berani menegakkan yang hak dan membongkarkan kebatilan sehingga pernah disisihkan oleh golongan Istana dan bangsawan. Justeru, berdasarkan keilmuan, kepribadian dan ketokohan serta kekuatan peribadinya, melayakkan beliau digelar seorang yang berpegang kepada prinsip Muslih (Reformis) pada zamannya. Dalam melaksanakan tuntutan dakwah Islamiah, para pendakwah seharusnya mempunyai ilmu yang mantap terhadap segenap ilmu dakwah (Mokhtar & rakan-rakan, 2019).

Terdapat pelbagai bentuk dan pendekatan dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat sama ada menerusi komunikasi lisan, mahu pun bukan lisan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021e). Penggunaan bahasa yang sesuai turut ditekankan oleh Islam. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022b), Islam menyarankan agar umatnya sentiasa menjaga tutur katanya dalam komunikasi termasuklah dalam perkara yang mahu dibicarakan. Bagi merealisasikan prinsip komunikasi ini, al-Quran menegaskan agar orang Islam berkomunikasi dengan sesuatu perkara yang mempunyai tujuan baik atau bermanfaat sahaja. Pendekatan ini telah diketengahkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin dalam setiap gerakannya bagi memastikan matlamat dan tujuannya tercapai.

Reformasi merupakan satu usaha yang paling penting dalam langkah Syeikh Tahir Jalaluddin untuk memecah benteng-benteng kekolotan serta membebaskan masyarakat Melayu dari kekolotan tersebut, terutama di kalangan pemuda Islam supaya mereka berusaha ke arah kemajuan dalam segala bidang menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Islam. Pengasasan reformasi ini turut dibantu oleh Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, seorang pedagang keturunan Arab di Singapura, Sayid Syeikh bin Ahmad al-Hadi yang berasal dari Melaka, dan Haji Abbas bin Muhammad Taha dari Singapura. Semasa berada di Mesir, Syeikh Tahir Jalaluddin banyak melibatkan diri dalam kegiatan gerakan-gerakan reformasi di sana. Gerakan reformasi yang dipimpin oleh Syeikh Muhammad Abduh telah menarik perhatian dan mempengaruhi pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin dan rakan-rakannya. Ahli dalam gerakan tersebut majoritinya adalah golongan muda Islam. Dalam gerakan reformasi tersebut, Syeikh Muhammad Abduh dengan tegas menyeru umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, tanpa terikat dengan segala macam tradisi khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam. Syeikh Muhammad Abduh menyalurkan pemikiran reformasinya dan menyarankan idea-ideanya melalui majalah yang diterbitkannya di Kaherah dalam tahun 1896 iaitu majalah "*al-Manar*".

Sebagai salah seorang pengikut Syeikh Muhammad Abduh, Syeikh Tahir merasakan tanggungjawabnya begitu besar untuk membawa perubahan seperti mana yang telah dilakukan oleh Syeikh Muhammad Abduh kepada masyarakatnya di Nusantara khususnya di Tanah Melayu. Beliau memulakan gerakan reformasinya di madrasah-madrasah, kemudian beliau telah pergi ke Alor Gajah, Melaka sebanyak dua kali di antara 1926-1927. Lawatan beliau telah memberi kesan kepada beberapa orang anggota masyarakat di situ. Di Kampung Baharu, Alor Gajah, di mana Syeikh Tahir mempunyai hubungan persaudaraan, idea reformasi Kaum Muda telah beliau disebarkan, pada mulanya ia melalui syarahan-syarahan dan kemudian majlis ramah-tamah. Kemudian beliau dan rakan-rakannya telah berusaha menerbitkan sebuah majalah bulanan di Singapura pada tahun 1906 yang di beri nama "*al-Imam*". Ia merupakan majalah yang senafas dengan majalah "*al-Manar*". Melalui *al-Imam* suara-suara pembaharuan disiarkan, ia mengajak umat Islam di Tanah Melayu mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, bebas dari adat-adat lama yang bercampur dengan unsur-unsur agama Hindu atau aliran-aliran baru dari Barat yang merosakkan.

Karya Syeikh Tahir Jalaluddin

Setelah beberapa lama merantau ke beberapa tempat di nusantara, akhirnya beliau menetap di Kuala Kangsar, Perak. Di sana beliau telah menjalankan aktiviti-aktiviti penulisan sehinggalah ke akhir hayatnya. Beliau telah menghasilkan banyak karya yang berguna. Antara karya penulisan beliau telah penulis garapkan seperti rajah 2 berikut;



Rajah 2: Hasil Karya Syekh Tahir Jalaluddin

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Kesimpulan

Syeikh Tahir Jalaluddin adalah seorang ulama yang ketara sebagai seorang reformis. Kehidupan bermula dari kanak-kanak yang dalam keadaan yatim piatu, namun beliau tetap tabah meneruskan kehidupannya untuk mencari kehidupan yang lebih bermakna dengan menuntut ilmu. Sikap beliau yang sering berpindah dari satu tempat yang lain menunjukkan bahawa beliau tidak puas menyebarkan ilmu di tempat yang sama. Beliau berpendapat, hanya dengan ilmu akan meninggikan martabat seseorang itu terutama di sisi Allah SWT sehingga beliau menjadi salah seorang tokoh ilmunan yang mampu memimpin masyarakat supaya menjadi masyarakat yang berilmu. Jasa beliau amat besar dalam membawa perubahan kepada masyarakat Melayu. Kepimpinan dan ketokohan yang beliau tonjolkan wajar diteladani oleh golongan muda sekarang. Perwatakan beliau yang sangat mementingkan nilai-nilai keinsanan telah melayakkan beliau diangkat menjadi tenaga pengajar kepada hakim-hakim di Johor Baharu. Kepimpinan dan ketokohan beliau perlu diteladani oleh pendakwah dan pemimpin masa kini supaya perjuangan dakwahnya mencapai kecemerlangan di dunia dan akhirat.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE).

Rujukan

- Abdul Hamid, A. F., & Abdul Malik, M. P. (2017). Analisis Penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Dalam Kitab Ta'yid Tadhkirah Muttabi' Al-Sunnah. *Jurnal al-Tamaddun*. Bil 12(1) 2017, 67-78.
- Abdullah, W. M. S. (2004). Koleksi Ulama Nusantara Jilid 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah.

- Che Daud, I. (2012). *Tokoh- Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kelantan: Pustaka Aman Sdn. Bhd
- Djamily, B. (1994). *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari*. Kuala Lumpur: Asmah Publisher.
- Ibrahim, I., & Abd. Rahman, I. (1992). *Ulama' Silam Dalam Kenangan*. UKM. Malindo Printers Sdn. Bhd. Selangor.
- Mat, I. (1992). *Ulama Silam dalam Kenangan. Selangor*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Talib, M. N., & Mokhtar, S. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai di Dalam Perkembangan Dakwah Islam di Semporna, Sabah: Satu Analisis. E-Proceeding of the International Conference on Education, Social Sciences & Technology, 3-4 December 2020. E-ISBN No.:978-967-2962-36-6 193.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A. L. A. (2021b). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal di Sandakan, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021d). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021e). Nilai Moral Dalam Sajak 'Ke Makam Bonda' Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur Serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021f). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Majumah, A. S. A. R., Yusoff, M. S., & Ationg, R. (2021a). Implementasi Kepimpinan Transformasi Dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Di Daerah Sandakan: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 202 - 216.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022a). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022b). Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Shah, M.K.M., Ramlie, H.A, Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021c). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021g). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th

International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.

- Mustajab, M. S. (2003), Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat dalam Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam ed. Sohaimi Abdul Aziz, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nizam, N. I., & Osman, K. (2022). Peranan Dakwah Syeikh Tahir Jalaluddin Ke Atas Penjajah Barat. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Saman, T., & Ahmad, A. M. (2005). *Tokoh-Tokoh Agama Dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia. Mudah Urus Enterprise Sdn.Bhd.
- Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai Di Dalam Perkembangan Dakwah Islam Di Semporna, Sabah: Satu Analisis. E-Proceeding of the International Conference on Education, Social Sciences & Technology, 3-4 December 2020. 193-231.
- Talib, M. N. M., Mokhtar, S., Esa, M. S., & Pullong, A. (2022). Pembinaan Jati Diri Muslim dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai: Satu Tinjauan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 658-672.
- Zakariya, H. (2005). Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin. *Int*